

Kes Bandar Tun Razak Tidak boleh hantar wakil: PM

BH - 5 MAY 2000

Oleh Zulkofli Jamaludin dan Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Tertinggi (MT) mengekalkan keputusan awal menggantung mesyuarat Umno Bahagian Bandar Tun Razak, sekali gus tidak membenarkan ia menghantar perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno bermula 10 Mei ini.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata keputusan sebulat suara itu dibuat selepas menerima perakuan Jawatankuasa Teknikal yang menyasiat rayuan kes berkenaan.

"Ini bermakna walaupun mesyuarat Pemuda dan Wanita bahagian terbabit berlangsung dengan tertib, kedua-duanya turut digantung," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT, di

sini hari ini.

MT bulan lalu menggantung mesyuarat bahagian itu tetapi mengarahkan Jawatankuasa Teknikal menyasiat semula kes berkenaan selepas menerima rayuan bahagian.

Sementara itu, Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Jawatankuasa Teknikal memanggil tiga pemimpin bahagian, di samping pengadu.

"Pemimpin bahagian dipanggil untuk membuat pembelaan dan menjawab soalan serta memberi hujah masing-masing kepada Jawatankuasa Teknikal, katanya.

Mengenai siasatan terhadap dua calon Naib Ketua Pemuda, Abdullah berkata

Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir dan Zein Ismail tidak terbabit dalam politik wang.

Beliau berkata, Jawatankuasa Teknikal yang membuat penyiasatan mendapati tiada bukti-bukti sah yang membabitkan mereka dalam kegiatan politik wang.

Berikutan itu, mereka dibenarkan bertanding dalam pemilihan parti yang akan diadakan minggu depan.

"Kedua-dua mereka dibebaskan daripada tuduhan yang dibuat," katanya.

Abdul Aziz, yang menerima pencalonan tertinggi bagi jawatan kedua pergerakan itu, dan Zein Ismail yang dihadapkan ke jawatankuasa itu pada 21 April lalu menafikan pembabitkan mereka dalam politik wang.